

28/02/1997

Jambatan hubungi Selatan Thailand

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia dan Thailand bercadang membina 'Jambatan Darat' yang menghubungkan beberapa lokasi di antara Pulau Pinang, Kedah dan Selatan Thailand, bagi mengukuhkan hubungan dua hala.

Cadangan itu dibangkitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand, Jeneral Tan Sri Chavalit Yongchaiyudh, dalam pertemuan mereka di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Malaysia menyarankan jambatan itu menghubungkan Utara Pulau Pinang, Selatan Kedah dan Selatan Songkhla, manakala Thailand pula mencadangkan jambatan berkenaan dibina di Wilayah Patani.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata Dr Mahathir dan Chavalit mahu satu bentuk penyelarasan dilakukan bagi meneliti kedua-dua cadangan itu supaya kedua-dua negara mendapat faedah.

"Kedua-dua pemimpin berkenaan bersetuju untuk membina jambatan itu menerusi pendekatan pembangunan bersama.

"Mereka juga bersetuju supaya jambatan itu akan menempatkan tiga kemudahan iaitu jalan raya, rel keretapi dan saluran paip gas," katanya kepada pemberita selepas pertemuan di antara Dr Mahathir dan Chavalit.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Thai, Saroj Chavanviraj.

Sementara itu, berucap di majlis makan malam bagi meraikan Chavalit di Sri Perdana, di sini malam ini, Perdana Menteri berkata, Malaysia menghargai bantuan Thailand dalam usaha menyekat kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negara ini.

Dr Mahathir berkata, Malaysia memerlukan pekerja asing tetapi kemasukan mereka mesti mematuhi prosedur, peraturan serta undang-undang negara ini.

"Oleh itu, kami amat menghargai kerjasama yang dihulurkan negara sahabat dan jiran seperti Thailand untuk menyekat kemasukan pendatang tanpa izin ke Malaysia," katanya.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan isteri Chavalit, Puan Sri Phankrua Yongchaiyudh dan pembesar negara.

Mengenai perdagangan dua hala, Dr Mahathir berharap kerjasama akan meningkat di masa depan.

Beliau berkata, walaupun perkembangan perdagangan Malaysia-Thailand menggalakkan, tahap pelaburan kedua-dua negara tidak begitu memuaskan sedangkan wujud pelbagai peluang dan insentif.

(END)